



PERUTUSAN TUAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Syukur, Alhamdulillah dengan izinNya Buletin Majlis Daerah Selama (MDS) dapat diterbitkan bagi Tahun 2012. Cabaran berat yang dihadapi oleh perkhidmatan awam pada masa kini adalah bagi meningkatkan kecekapan keberkesanan sistem penyampaiannya.

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam yang merupakan usaha

berterusan secara berpasukan. Setiap anggota MDS perlu lebih proaktif dan kreatif dalam memenuhi kehendak pelanggan.

Di sini, saya ingin menekankan bahawa untuk meningkatkan reputasi bukanlah satu perkara yang mudah. Untuk meningkatkan reputasi MDS, kita semua perlu bersatu hati, komited terhadap tanggungjawab, berusaha meningkatkan keupayaan, kecekapan dan kepakaran serta lebih kreatif dan inovatif.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama bergandingan tangan serta menerapkan minda yang memberi keutamaan perkhidmatan kelas pertama dan menghasilkan kerja berprestasi tinggi seiring dengan slogan 1 Malaysia iaitu:

**"Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan"**

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Abustan, A.C.M
Yang Dipertua
Majlis Daerah Selama



SIDANG REDAKSI

PENAUNG :

Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Abustan, A.C.M

PENASIHAT :

Cik Noraslina binti Saidin

EDITOR :

En. Rozaimi bin Mohd Desa

PENGARANG :

Cik Nurhafizah binti Maarop @ Maamor
Puan Asmahani binti Basri

AHLI-AHLI :

Puan Rajipah binti Ibrahim
Tn. Haji Ya'akob bin Hamzah
Cik Siti Nurbaya binti Abu Bakar
Puan Jasariah binti Osman
En. Rofizlan bin Yunus
En. Badrul Hisham bin Mohd Zahari, P.J.K
En. Mohammad Fariq bin Abdul Razak

KONSEP & REKABENTUK :

En. Mohamad Ikhroun bin Che Naridin
Cik Nur Faten binti Osman
Cik Nur Hazyqah binti Naja

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Majlis Daerah Selama

34100 Selama

Perak Darul Ridzuan

Telefon : 05-8394201 / 05-8392021

TAHUN MELAWAT PERAK TAHUN 2012

Tahun 2012 merupakan Tahun Melawat Perak. Jadi, pastinya terdapat ramai pelancong tempatan dan pelancong asing berminat untuk mengunjungi negeri Perak. Justeru itu, Majlis Daerah Selama turut mempromosikan tarikan pelancongan yang terdapat di Daerah Selama.



PESTA RAKIT 1 PERAK

27 Mei 2012 (Ahad) - Pertandingan rakit bersempena Pesta Rakit 1 Perak telah berlangsung dengan jayanya yang bermula di Sg. Seputeh dan berakhir di Sg. Bayor, Selama Perak. Sebanyak dua (2) kategori dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori kerajaan yang disertai sebanyak 16 pasukan.

Antara pasukan dari luar Negeri Perak yang terlibat terdiri daripada pasukan JPS Negeri Selangor, UNISEL dan 'Hoorey Team' dari Putrajaya. Manakala pasukan dalam Negeri Perak terdiri daripada UTP, Jabatan Belia & Sukan Negeri Perak, JPAM Selama, Belia Selama, Majlis Daerah Selama, Pejabat daerah & Tanah Selama, JBPM Selama dan lain-lain pasukan Kecergasan Selama. Pemenang bagi kategori kerajaan dimenangi oleh JPS Negeri Selangor manakala Kategori terbuka dimenangi oleh Pasukan Belia Selama.

Tahniah diucapkan kepada pasukan yang menang!





KONVOI MOTOSIKAL PROMOSI PELANCONGAN

4 Jun 2012 (Selasa) - Konvoi Motosikal Promosi Pelancongan Daerah Selama telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Abustan, Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama (MDS) diiringi oleh Ahli-Ahli Majlis, Agensi-Agensi Teknikal serta peserta jemputan yang terdiri dari anggota PDRM daerah-daerah bersempadan (Selama Perak, Bandar Baharu, Parit Buntar dan Bagan Serai Perak).

Seramai 35 peserta menyertai konvoi tersebut yang terdiri daripada kakitangan MDS dan PDT Daerah Selama, JPAM Selama, pemimpin masyarakat Daerah Selama dan penduduk kampung sekitar Selama.

Laluan konvoi tersebut bermula dari perkarangan Pejabat MDS-Majlis Daerah Bandar Baharu-Dewan Merdeka, Parit Buntar-Bagan Serai-Selama, Perak.



ROMBONGAN KONVOI BERKERETA DARI MAJLIS DAERAH KERIAN

4 Jun 2012 (Isnin) - Rombongan Konvoi Berkereta ke Daerah Selama telah diadakan oleh Majlis Daerah Kerian. Konvoi tersebut adalah bersempena dengan Tahun Melawat Perak 2012 yang diketuai oleh En. Mohamad Razif bin Ramli, Tuan Setiausaha Majlis Daerah Kerian dengan melibatkan 15 buah kereta. Tujuan konvoi tersebut adalah untuk mempromosikan kawasan pelancongan yang terdapat di Daerah Kerian.

Pihak MDS juga tidak melepaskan peluang untuk berkongsi dengan MDK untuk mempromosikan kawasan pelancongan yang terdapat di Daerah Selama sebelum Puan Setiausaha berbesar hati melepaskan Rombongan Konvoi MDK untuk jelajah ke daerah lain.



LAWATAN MAJLIS DAERAH SELAMA KE PESTA FLORIA PUTRAJAYA

1 Julai 2012 (Ahad) - Seramai 17 orang warga MDS telah mengadakan lawatan ke Pesta Putrajaya Floria 2012 yang bermula pad 30 Jun 2012 hingga 8 Julai 2012.

Lawatan ini diadakan bertujuan menimba ilmu pengetahuan dalam bidang seni landskap untuk diterapkan dalam Pelan Landskap kawasan MDS.

Lawatan tersebut diketuai oleh Puan Setiausaha MDS iaitu Cik Noraslina bt. Saidin.



PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL & KORPORAT LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA & SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA

15.Okt.2012 (Isnin) - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Syarikat Konsesi Lebuhraya telah menganjurkan suatu Program Tanggungjawab Sosial Korporat dengan kerjasama Majlis Daerah Selama (MDS). Seramai 44 orang miskin telah dipilih untuk menerima bantuan melalui program tersebut.

Barang keperluan harian dan bantuan kewangan yang merupakan hasil sumbangan dari LLM dan Syarikat Konsesi Lebuhraya telah disampaikan oleh Ketua Pengarah LLM. Sumbangan tersebut diharap akan dapat meringankan beban keluarga berkenaan.

MDS merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak LLM dan Syarikat Konsesi Lebuhraya di atas kesudian mengadakan program tersebut di Daerah Selama.



PERLAWANAN PERSAHABATAN ANTARA MAJLIS DAERAH SELAMA & MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

30 Jun 2012 (Sabtu) - Majlis Daerah Selama (MDS) bersama-sama Kelab Kebajikan dan Sukan Majlis Daerah Selama telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT). Perlawanan tersebut berlangsung di Dewan Majlis Daerah Selama dan Mini Stadium Majlis Daerah Selama yang disertai seramai 80 orang.

Sebanyak empat (4) acara sukan dipertandingkan iaitu badminton, bola sepak, ping pong dan bola jaring yang bermula pada 12.00 tengahari hingga 9.00 malam. Perlawanan ini dilihat sesuatu yang baik di mana pemain dapat bertukar-tukar pandangan dan menambah ilmu serta memantapkan kemahiran dalam sukan. Melalui perlawanan ini juga, ia secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi interaksi sosial antara MDS dan MDPT.

Tahniah diucapkan kepada pasukan yang menang....



MAJLIS JAMUAN HARI RAYA & ANUGERAH PERKHIDMATAN

3 September 2012 (Isnin) - Majlis Daerah Selama (MDS) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 serentak dengan Jamuan Hari Raya di Dewan Majlis Daerah Selama. Majlis telah dirasmikan oleh Dato' Dr. Mah Hang Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Perak.

Majlis ini telah menyaksikan seramai lima (5) orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan lapan (8) orang kakitangan yang telah berkhidmat selama 30 tahun di MDS menerima Anugerah Khas Perkhidmatan. Dalam ucapan Dato' Dr. Mah Hang Soon, beliau berharap setiap anggota penjawat awam perlu menyokong dan memberi komitmen kepada kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011

1. Mohammad bin Salleh
2. Mohd Fauzi bin Wahab
3. Raizan bin Sunan
4. Zahariman bin Yaakob
5. Aminah binti Md Hashim



Penerima Anugerah Khas Perkhidmatan (30 tahun)

1. Arumugam a/l Muniandy
2. Azilah binti Ismail
3. Badrul Hisham bin Mohd Zahari
4. Haris bin Abdullah Hashim
5. Hashim bin Harun
6. Muniandy a/l Annamalay
7. Mutthu a/l Annamalay
8. Rajandaran a/l Doraisamy



FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK TAHUN 2012



29 November 2012 (Khamis) - Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) telah menganjurkan festival Koir PBT Negeri Perak yang disertai 15 PBT di Negeri Perak. Festival ini telah dirasmikan oleh Dato' Dr. Mah Hang Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Perak.

Majlis Daerah Selama (MDS) telah menghantar seramai 23 ahli koir yang diketuai oleh En. Hashim bin Harun. Di Festival tersebut, Pasukan koir MDS telah menyanyikan dua (2) lagu iaitu Sejahtera Malaysia dan Chek Mek Molek.

Tahniah kepada PBT yang Menang!!!!...





HARI KELUARGA



28 Dis 2012 (Jumaat) - Majlis Daerah Selama dibawah kelolaan Kelab Kebajikan dan Sukan telah menganjurkan Hari Keluarga MDS di Dewan Majlis Daerah Selama. Pelbagai acara sukan telah berlangsung seperti badminton, bola jaring, ping pong, karom, dart, sepak takraw, futsal dan karaoke sebelum acara kemuncak iaitu Malam Hari Keluarga. Seramai 250 orang kakitangan berserta ahli keluarga hadir pada malam tersebut.



Acara tahunan ini diharap dapat mengeratkan hubungan silaturrahim, memperkukuhkan persefahaman dan semangat kekitaan dikalangan sesama kakitangan sekaligus menyumbang kepada suasana kerja yang harmoni dan berkesan serta memantapkan kualiti kerja.





PERHIMPUNAN KORPORAT



Setiap suku tahun, Majlis Daerah selama mengadakan Perhimpunan Korporat yang akan diuruskan oleh setiap unit mengikut giliran.

Melalui perhimpunan ini, Yang Dipertua akan menyampaikan amanat kepada semua warga kerja MDS. Pada majlis itu juga, turut diadakan sambutan hari lahir bagi warga kerja.





SEPINTAS LALU...

KARNIVAL KEMAS 2012



DAFTAR PENIAGA BAZAR RAMADHAN



DEMONSTRASI MEMADAM KEBAKARAN





SEPINTAS LALU...

AKTIVITI KAWALAN VEKTOR



AKTIVITI PENGREDAN PREMIS MAKANAN



AKTIVITI GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN KAWASAN





SEPINTAS LALU...

AKTIVITI TURUN PADANG



PELAKSANAAN PROJEK INOVASI -JENKO 12



PENCAHAYAAN BANGUNAN MDS SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN





SELAMAT BERSARA

ENCIK MUTTHU A/L ANAMALAI

Pembantu Tadbir-Belif

02/03/1981-31/12/2012



TAHNIAH DI ATAS PERKAHWINAN PADA 17.11.2012

PUAN RAJIPAH BINTI IBRAHIM

Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat

